

5 individu dikenakan tindakan kerana gagal patuhi SOP kuarantin di rumah

Astro Awani

05 Ogos 2020

Hasimi Muhamad,

KUALA LUMPUR: Meskipun amaran telah diberikan oleh kerajaan, masih ada individu yang gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) kuarantin di rumah selepas lima individu dikenakan tindakan oleh polis, pada Selasa (4 Ogos).

Menurut Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, tindakan tersebut dikenakan hasil daripada 1,969 pemeriksaan terhadap individu yang sedang menjalani kuarantin wajib 14 hari di kediaman masing-masing.

Pemeriksaan tersebut dijalankan bersama petugas Kementerian Kesihatan (KKM) bagi memantau kepatuhan individu terbabit terhadap SOP yang ditetapkan, jelasnya dalam kenyataan media hari ini.

Ismail Sabri menambah, sejak 24 Julai sehingga 4 Ogos, seramai 5,355 individu telah pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa.

Katanya, kesemua mereka ditempatkan di 21 hotel dan lima Institut Latihan Awam (ILA) masing-masing di Kuala Lumpur; Negeri Sembilan; Pulau Pinang; Kelantan; Sarawak; Selangor; Perak; serta Johor.

"Daripada jumlah itu, seramai 13 individu telah dihantar ke hospital untuk rawatan.

"Mereka telah pulang dari 28 negara iaitu Filipina, Thailand, Indonesia, Kemboja, Singapura, Vietnam, Brunei, Qatar, Pakistan, Arab Saudi, Hong Kong, India, UAE, Jepun, Turki, Korea Selatan, Iran, Nepal, Bangladesh, Taiwan, China, United

Kingdom, Belanda, Papua New Guinea, Mesir, Sepanyol, Perancis dan Australia," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Dalam perkembangan lain, Ismail Sabri memaklumkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) membuat pemeriksaan di 38 tapak binaan di seluruh negara yang melibatkan 78 penguatkuasa pada Selasa.

"Daripada jumlah itu, pemeriksaan CIDB telah mendapati 34 tapak binaan telah patuh SOP yang ditetapkan manakala satu tapak binaan tidak patuh SOP dan telah diberi nasihat. Tiga tapak binaan lagi tidak beroperasi," katanya.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/5-individu-dikenakan-tindakan-kerana-gagal-patuhi-sop-kuarantin-di-rumah-254017>